



PERMOHONAN MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di Universiti Utara Malaysia.

BIL	JAWATAN PENTADBIRAN
1	PEMBANTU JURULATIH GOLF GRED S19
2	PEMBANTU OPERASI GRED N11

JAWATAN PENTADBIRAN

1. (a) Jawatan : **PEMBANTU JURULATIH GOLF**
(b) Badan Berkanun : Universiti Utara Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan SPM
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial (S)

Jadual Gaji : **RM54.00 sehari**

Syarat Lantikan :

- i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **DAN**
- ii) Keujian Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan : **Sambilan**

Fungsi Bidang Tugas : **Umum**

Bertanggungjawab membantu Ketua Jurulatih Golf/Jurulatih Golf melaksanakan tugas-tugas kejurulatihan dan pengurusan acara dalam perancangan latihan dan pembangunan atlet golf bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan Program Kecemerlangan Sukan (PKS) Golf Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi mencapai aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

TEMPOH PERKHIDMATAN

Mengikut keperluan, berdasarkan prosedur pengambilan Pekerja Sambilan Harian (PSH).

Nota: Keutamaan diberikan kepada calon yang berpengalaman/berpengetahuan dalam bidang golf.

2. (a) Jawatan : **PEMBANTU OPERASI GRED N11**
 (b) Badan Berkanun : Universiti Utara Malaysia
 (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan PMR/SRP
 (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan (N)

Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	Imbuan Tetap Khidmat Awam (RM)	Imbuan Tetap Perumahan (RM)	Bayaran Imbuan Sara Hidup (RM)
N11	1,216.00	2,983.00	80.00	95.00	300.00	300.00

Syarat Lantikan :

- i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00); atau
- ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,262.15); dan
- iii) Keujian Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Taraf Jawatan : **Tetap**

Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Operasi adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Fungsi Bidang Tugas : **Umum**

- (a) Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen serta pemanduan kenderaan.
- (b) Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E.
- (c) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat.

CARA MEMOHON

JAWATAN PENTADBIRAN

- i) Permohonan jawatan hendaklah dibuat melalui sistem dalam talian (online) yang boleh dicapai melalui pautan laman sesawang <http://www.perjawatan.uum.edu.my/>
- ii) Pemohon perlu mendaftar (bagi pengguna baharu sahaja) sebelum mengisi maklumat yang diperlukan dalam sistem ini.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 Julai 2020 (Rabu)

CATATAN TAMBAHAN

- a. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu duga.
- b. Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.
- c. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Universiti Utara Malaysia.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Jabatan Pendaftar,
Universiti Utara Malaysia,
06010 UUM Sintok,
Kedah Darul Aman

Tel : 04-928 3114/3113
Faks : 04-928 3120